

# Harapan emas atlet negara

Untuk Singapura mengatasi 'angka keramat' 50 emas yang dimenangi di temasya 22 tahun lalu, sukan-sukan yang secara tradisi menjadi kekuatan negara perlu terus menyerlah dengan harapan atlet-atlit lain turut berjaya catatkan kejutan manis

MUNGKINKAH Sukan SEA ini dikenali 'Sukan SEA Joseph Schooling'?

Lebih-lebih lagi jika jaguh renang berusia 19 tahun ini memenuhi sasaran dikalungi sembilan pingat emas di kolam renang.

Atau mungkinkah ia akan diingati sebagai 'Sukan SEA Aide Iskandar dan anak didiknya'?

Skuad muda pimpinan Aide kini di bang sejarah jika mencapai matlamat menang emas. Ini kerana skuad bola sepak negara tidak pernah menang emas dalam sejarah temasya sukan ini sejak ia mula dikenali sebagai Sukan Semenanjung Asia Tenggara (Seap) pada 1959.

Atau mungkinkah kecemerlangan Schooling, pasukan bola sepak Bawah 23 Tahun Singapura serta 728 rakan atlit mereka lain yang membentuk Team Singapore - kontinjen terbesar Singapura dalam sejarah temasya dwitahunan ini (kesemuanya 749 atlit) - mengatasi 'angka keramat' 50 emas yang dimenangi negara semasa kali terakhir Singapura menjadi tuan rumah Sukan SEA lebih dua dekad lalu?

Segala persoalan itu akan terjawab apabila Team Singapore turun berjuang dalam 36 cabang sukan yang akan menawarkan 402 pingat emas di Sukan SEA edisi ke-28 ini yang akan membuka tirainya secara rasmi dengan upacara pembukaan gilang-gemilang Jumaat ini.

Beberapa acara seperti bola sepak, bola jaring serta tenis meja sudah pun bermula lebih awal dan untuk Team Singapore mencapai sasaran melebihi 50 emas itu, sukan-sukan yang secara tradisi menjadi tulang belakang kejayaan Singapura seperti renang, tenis meja, kapal layar dan bowling tidak mampu mengecewakan.

Skuad tenis meja yang diterajui srikandi Feng Tianwei menyahut cabaran itu dengan melakarkan sasaran menyapu bersih kesemua tujuh emas yang dipertaruhkan kali ini, mengulangi pencapaian cemerlang di Sukan SEA Korat, Thailand, pada 2007.



SKUAD BAWAH 23 TAHUN NASIONAL bola sepak

Dengan kelebihan beraksi di gelanggang sendiri di samping sorakan penyokong setempat, tentunya misi yang diburu Feng serta rakan-rakannya bukanlah sesuatu yang mustahil.

Begitu juga dengan sasaran yang ditetapkan Schooling - memenangi sembilan emas daripada sembilan acara yang bakal disertai (tiga daripadanya adalah acara berganti-ganti) - sekali gus mengulangi pen-

capaian gemilang ratu renang Joscelin Yeo yang menang sembilan emas di Sukan SEA Singapura 1993.

Selain Schooling serta rakan-rakannya di kolam renang, peserta kapal layar negara turut mempunyai rekod yang membanggakan.

Dua bintang mudanya yang mengibarkan bendera negara di Sukan Olimpik Belia (YOG) di Nanjing, China tahun lalu, Samantha Yom dan Bernie Chin, serta rakan-rakan mereka lain diharap terus menyerlah.

Kejutan manis daripada atlit-atlit lain - terutama mereka daripada sukan yang dianggap 'kurang glamor' - juga sangat-sangat dialu-alukan.

Dengan dua gangsa di Sukan SEA sebelum ini, jaguh tinju, Muhamad Ridhwan Ahmad, pastinya tidak sabar mahu memperbaiki pencapaian itu dan merangkul emas pertama negara dalam acara itu. Jika berjaya, ia akan menamatkan kemarau 30 tahun kerana emas terakhir tinju di Sukan SEA dimenangi Mohamad Mukhlis Amat di Sukan SEA Bangkok pada 1985.

Seorang lagi yang ghairah mahu menyerlah ialah penembak negara, Mohd Zain Amat. Menyusuli kejayaan membawa pulang tiga emas di Sukan SEA Korat 2007, acaranya iaitu 'trap' bagi senapang patah tidak disertakan dalam tiga edisi Sukan SEA selepas itu - Sukan SEA 2009 (Laos), Sukan SEA 2011 (Indonesia) dan di temasya dua tahun lalu di Myanmar.

Ini bermakna selepas lapan tahun menanti, Zain akan turun berjuang sebagai juara bertahan dan tentunya beliau tidak mahu terlepas meneruskan kecemerlangannya.

Sama ghairah tentunya pendekar muda, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, yang pasti tidak mahu mensesiakan penampilan sulungnya di temasya sukan ini dengan kilauan emas, setaraf dengan gelarannya sebagai juara dunia.

Ramai lagi atlit yang seperti Sheik Farhan - yang bakal beraksi di temasya Sukan SEA pertama mereka. Dengan dorongan anggota keluarga serta sahabat handai, moga-moga segala kelebihan ini menjadi penyuntik semangat bagi golongan ini mengharumkan negara.

Dalam hubungan ini, sukan-sukan yang boleh dianggap sebagai 'muka baru' dalam Sukan SEA - khususnya bola jaring dan floorball - dapat memenuhi reputasi mereka sebagai pasukan terbaik rantau ini.

Skuad bola jaring negara pimpinan Ruth

Aitken - yang membuka tirai kempenya di temasya kali ini dengan membelasah Brunei 72-21 kelmarin - menjadi pilihan kali ini, sekali gus 'membalas dendam' tewas emas kepada Malaysia di temasya Sukan SEA 2001, kali terakhir sukan ini dipertandingkan di Sukan SEA.

Floorball, yang akan muncul buat julung-julung kali sebagai acara pingat di temasya sukan dwitahunan ini, juga dianggap antara kekuatan Team Singapore.

Selepas menjalani latihan intensif di Finland - pasukan kedua terbaik dunia - baru-baru ini, Presiden Persatuan Floorball Singapura (SFA), Sani Mohd Salim, berjanji kededua pasukan lelaki dan wanita negara akan menghadihkan pingat emas sempena sambutan ulang tahun ke-50 Singapura.

Turut tidak perlu diragu-ragukan lagi dan sudah pun 'menjamin' dua emas bagi Team Singapore ialah pasukan polo air negara.

Skuad lelaki menjadi kebanggaan negara selepas kejayaan memenangi 25 pingat emas di setiap kali acara ini dipertandingkan dalam Sukan SEA sejak 1965. Mereka akan memburu emas ke-26 kali ini.

Skuad wanita juga tampak berada di tahap lebih tinggi negara-negara pencabar lain. Mereka menyambar emas di Sukan SEA Indonesia pada 2011 - kali terakhir polo air wanita dipertandingkan.

Dengan rangsangan tambahan Sukan SEA yang lebih istimewa kerana bertepatan dengan sambutan jubli emas negara, jangkakan kian untuk memuncak melihat Team Singapore memperbaiki rekod 50 emas di temasya 22 tahun itu.

Apa jua jumlahnya di akhir temasya - mungkin 60 atau 70 emas, ada yang mungkin beranggapan pencapaian itu mungkin kurang 'seri' tanpa satu-satunya emas yang belum pernah dimenangi negara dalam sejarah temasya sukan ini. Barisan legend bola sepak nasional sejak zaman Allahyarham Dollah Kassim sehingga Fandi Ahmad tidak pernah merasakan kemanisan pingat emas Sukan SEA sepanjang kerjaya gilang-gemilang mereka.

Aide serta anak didiknya berpeluang merubah rekod ini, sekali gus mengukir sejarah unik untuk arena sukan setempat.

Kemenangan mereka pastinya 'penyempurna' yang tentunya menjadi 'pelengkap' kejayaan Team Singapore.

Menangi dua tiket bagi menyaksikan pertandingan **PENCAK SILAT** di Sukan SEA Ke-28

## TAHUKAH ANDA?

Bekas juara dunia Muhammad Shakir Juanda tidak akan beraksi dalam acara tanding di Sukan SEA kerana ditimpa kecederaan. Bagaimanapun, beliau tetap dijadual mengambil bahagian dalam acara ganda seni.

## SOALAN

Mengapakah Shakir tidak beraksi dalam acara tanding di Sukan SEA?



Hantarkan jawapan anda selewat-lewatnya pada 5 Jun 2015 melalui e-mel bertajuk **'Saya Sokong Sukan SEA dan Berita Harian'** kepada [BHOnline@sph.com.sg](mailto:BHOnline@sph.com.sg)  
Sertakan 1) Nama penuh 2) Nombor kad pengenalan 3) Nombor telefon bimbit. Keputusan penganjur adalah muktamad.



**3 HARI LAGI**